

01 NOV 2000

Mahathir-Ezam

LEBIH BAIK TINGGALKAN MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

BANGI, 1 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata adalah lebih baik golongan yang cuba merosakkan Malaysia dengan bantuan asing meninggalkan negara ini.

"Lebih baik mereka nyah ke tempat lain kalau nak jadi warga negara asing kerana menganggap ia lebih bebas.

"Pergilah ke sana, ke tempat orang yang mereka minta tolong dan sanjung," katanya ketika merasmikan majlis pelancaran seranta dan bantahan awam draf rancangan-rancangan tempatan Koridor Raya Multimedia di sini.

Perdana Menteri berkata apabila mereka berada di sana, golongan itu mungkin mendapati mereka dianggap sebagai sampah masyarakat dan dipandang hina kerana warna kulit yang berbeza.

Baru-baru ini Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional Ezam Mohamad Noor mengakui bahawa dia telah pergi ke Amerika Syarikat dan Eropah untuk mendapatkan bantuan pihak-pihak di sana untuk mengenakan tekanan ekonomi terhadap Malaysia.

Dr Mahathir berkata beliau berasa amat malu kerana wujud golongan semacam itu di kalangan orang Melayu yang mahu negara sendiri dan rakyat diletakkan di bawah kuasa asing.

"Rakyat Malaysia tidak ingin lagi dijajah, kita akan bangunkan negara kita dan tak ada sesiapa orang yang boleh menghalang," katanya.

Dr Mahathir sekali lagi menyifatkan mereka yang terlibat memburukkan negara termasuk menghasut negara luar mengenakan sekatan ekonomi terhadap Malaysia sebagai penderhaka.

"Mereka ini penderhaka kepada negara kita...kita capai kemerdekaan pada 1957 dan kita nak teruskan kemerdekaan ini," katanya.

Sebab itulah kerajaan mencari jalan supaya negara tidak bergantung kepada sesiapa ketika menangani kegawatan ekonomi yang berlaku tiga tahun lepas, kata Perdana Menteri.

Katanya negara bernasib baik kerana dapat mengatasi masalah itu tanpa bergantung atau tunduk kepada mana-mana pihak.

Ini menunjukkan bahawa Malaysia benar-benar merdeka dan berhak menentukan hala tujuhnya sendiri, katanya.

Ini termasuk menentukan bentuk pembangunan di negeri-negeri seperti yang berlaku di Selangor dengan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang mengandungi beberapa elemen penting seperti pusat pentadbiran Putrajaya, bandar siber Cyberjaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL.

Perdana Menteri berkata banyak negeri mahukan pembangunan berskala besar seumpama itu tetapi kerajaan persekutuan terpaksa membuat pilihan berdasarkan kepentingan tertentu.

Dr Mahathir berkata sebab itulah rakyat Selangor perlu bersyukur kerana MSC diadakan di negeri mereka sehingga menyebabkan kawasan berkenaan serta yang lain di sekelilingnya turut menikmati pembangunan begitu pesat.

Katanya selain membolehkan kerajaan Selangor menikmati hasil daripadanya, harga tanah yang melambung berikutan keputusan kerajaan melaksanakan MSC, Putrajaya, Cyberjaya dan KLIA turut melahirkan beberapa jutawan dan meningkatkan taraf hidup penduduk seperti yang berlaku hasil pembangunan di Langkawi.

"Saya harap mereka sedar tak banyak orang di Malaysia yang mendapat pembangunan sebegitu besar, jadi mereka perlu menilai nikmat yang diterima berbanding keadaan mereka dulu," katanya.

Pelancaran majlis hari ini membolehkan orang ramai memeriksa dan

mengemukakan syor berhubung cadangan lima rancangan tempatan dalam kawasan MSC iaitu Cyberjaya (Luar Flagship), Dengkil (Cyber Village), Salak Tinggi (Airport City), Sungai Merab (Tele Suburb) dan rancangan tempatan Pinggiran KLIA.

Dr Mahathir berkata proses itu membolehkan kerajaan mendapat maklumat balas daripada rakyat berhubung projek yang ada hubung kait dengan kawasan dan kehidupan mereka.

"Kalau kerana dengan rancangan pembangunan ini ada rakyat berfikir mereka menjadi lebih teruk, kita ingin tahu mengapa, supaya perubahan boleh dibuat agar mereka tidak mengalami kerugian," katanya.

Beliau berkata sebarang bantahan perlulah berasas serta munasabah dan bukan dibuat bertujuan mendapatkan tawaran yang lebih daripada kerajaan.

Pada sidang media kemudian, Perdana Menteri berkata MSC ialah projek pembangunan jangka panjang yang akan turut mewujudkan sebuah bandar raya mega dengan 2.5 juta penduduk dalam masa 15 tahun lagi.

MSC ialah kawasan seluas 750 km persegi di selatan Kuala Lumpur bermula dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) ke KLIA yang dibangunkan sebagai pusat perkembangan industri dan produk multimedia yang unggul.

Fokus utama pembangunan Cyberjaya Luar Flagship seluas 6,325 hektar ialah menyediakan kawasan perumahan bagi menampung keperluan kediaman untuk pembangunan Cyberjaya dan Putrajaya. Ia dibuat selari dengan pembangunan aktiviti ekonomi.

Pembangunan Cyber Village seluas 3,600 hektar pula dirancang untuk dijadikan pusat nukleus industri kecil dan sederhana bagi pengusaha tempatan untuk menyokong operasi syarikat multinasional di Cyberjaya.

Airport City seluas 2,888 hektar yang dicadang diwujudkan di kawasan strategik Salak Tinggi dijangka dapat menyokong pembangunan KLIA.

Sementara itu, rancangan tempatan Sungai Merab Tele-Suburb dengan keluasan 8,860 hektar dirancang berorientasikan aplikasi kediaman dan sekolah bestari untuk menyokong pembangunan Sungai Merab, Cyberjaya dan Putrajaya.

Visi pembangunan Pinggiran KLIA seluas 22,914 hektar pula ialah mewujudkan kawasan perumahan, perindustrian, perusahaan dan rekreasi yang menarik berhampiran KLIA bagi merealisasikan pembangunan Airport City dan lapangan terbang terulung negara.

-- BERNAMA

MAM MAM MAI